

**UCAPAN  
YB. DATO' SERI LAW HEING DING  
MENTERI SAINS TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR**

**SEMPERNA**

**MAJLIS PELANCARAN  
MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA (MASM) 2002  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

**DI**

**IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN**

Yang Amat Berhormat  
Datuk Tajol Rosli Ghazali  
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Yang Berhormat  
Dato' Zainal bin Dahalan  
Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar  
Merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk (MASM) 2002

Yang Berhormat  
Dato' Ho Cheng wang  
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains Teknologi dan Alam Sekitar Negeri  
Perak.  
Merangkap Pengerusi bersama Jawatankuasa Induk (MASM) 2002

Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak

Yang berbahagia  
Puan Hajah Rosnani binti Ibarahim  
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

Y.Berhormat, Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri – Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin

His Excellencies and Representative of Diplomatic Mission in Malaysia  
Our Guests from the National Environment Agencies of Vietnam who are here on  
a study tour in Malaysia.

Ketua-ketua Jabatan

Pihak-pihak media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Selamat Petang dan Salam Sejahtera diucapkan.

Saya merasa amat sukacita kerana pada tahun ini sekali lagi, kita sama-sama berpeluang untuk hadir di majlis ini bagi melancarkan Minggu Alam Sekitar Malaysia peringkat kebangsaan bagi tahun 2002. Saya merasa amat bertuah kerana buat kali ke 12, kita dapat menyambut MASM dan dapat melancarkan Minggu ini di Perak Darul Ridzuan, satu negeri yang banyak mempunyai sumber alam semulajadi yang menarik.

Bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, khususnya Jabatan Alam Sekitar, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan negeri Perak di bawah pimpinan Menteri besar perak YAB. Datuk Tajol Rosli Ghazali, kerana sudi menjadi tuan rumah bagi Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia 2002. Ini jelas membuktikan komitmen dan kesungguhan kerajaan negeri Perak dalam pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya. Saya dan pegawai-pegawai saya amat terharu atas sokongan kerajaan negeri Perak khususnya YAB. Datuk Menteri Besar kerana sudi meluangkan masa serta hadir serta merasmikan pelancaran Minggu Alam Sekitar Malaysia 2002 pada pagi ini.

Excellencies, ladies and gentleman from ASEAN countries,

I would like to welcome you to the launching of Malaysia Environment Week 2002. Your attendees and present is a reflection of your support to our Environment efforts. The Environment Week is celebrated yearly between 21-27 October to increase environmental awareness and commitment of Malaysia people to protect the environment. We look forwards to have a collaboration and cooperation for the good of our environment for the present and future generation. Furthermore, it is also to commemorate the signing of the Langkawi Declaration in the environment that was sign in 1989 by all the head of government of commonwealth nations in Langkawi Island, Malaysia

Para Hadirin Sekalian,

Negara kita Malaysia telah menempa nama dalam sektor industri dengan cepat sekali dibawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Dengan teraju pimpinan beliau kita dapat melihat negara kita lebih maju kehadapan dalam bidang industri dan perkembangan industri tanpa mengganggu kestabilan alam sekitar kita. Ini dapat kita laksanakan melalui pembangunan yang terancang yang telah kita amalkan selama ini. Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, kesedaran dan pendidikan alam sekitar yang telah kita jalankan juga nampaknya berkesan dalam mengawal pencemaran keatas negara kita. Ini boleh dilihat daripada kadar pencemaran yang beraku pada tahun 2001 berkurang berbanding dengan tahun sebelum ini. Oleh itu, kita mendapat pujian daripada negara-negara lain atas usaha kita memelihara alam sekitar. Ini terbukti apabila pandangan kita telahpun diambilkira dalam persidangan kemuncak dunia Pembangunan Mapan 2002 di Johannesburg, Afrika Selatan (Johannesburg Summit).

Tema Sambutan MASM pada tahun 2002 ialah "Kearah Teknologi Bersih" juga dipilih berdasarkan kepada kemajuan sektor industri negara serta pemulihan ekonomi negara . Kita tidak mahu rakyat malaysia lupa tentang alam sekitar bilamana ekonomi kita telah pulih. Lupa bererti kita alpa dan ini akan menyebabkan kita kerugian dikemudian hari. Kita tidak mahu melihat rakyat negara ini terpaksa memakai topeng gas bila keluar daripada rumah, kita tidak mahu melihat rakyat negara ini mendapat penyakit kronik hasil dari pengurusan sampah yang tidak sempurna, kita tidak mahu melihat rakyat Malaysia meminum air yang tidak diolah dengan betul dan kita lakukan segala-gala ini adalah kerana rakyat, kerana kita perihatin terhadap kepentingan rakyat. Kita mahukan alam sekitar kita bersih agar anak-anak kita sihat, kita sihat dan orang yang kita sayangi sihat.

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah cuba untuk mengekalkan keseimbangan dan kesetabilan alam sekitar sedaya yang mungkin. Kita telah mengadakan peraturan-peraturan yang dijangkakan boleh mengurangkan pencemaran, kita telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan yang sehingga kini diteruskan, kita telah menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran alam sekitar kepada rakyat Malaysia melalui kumpulan sasaran tertentu namun apa sekalipun yang kita lakukan tanpa kerjasama daripada rakyat maka usaha yang telah kita jalankan akan menjadi sia-sia sahaja.

Oleh itu saya menyeru kepada rakyat Malaysia khasnya kepada rakyat negeri Perak supaya menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam menyelamatkan negara kita daripada diselubungi pencemaran. Saya juga menyeru kepada kerajaan negeri Perak agar dapat membantu Jabatan Alam Sekitar dalam usaha mengurangkan pencemaran serta meningkatkan tahap kesedaran rakyat terhadap kepentingan alam sekitar. Saya juga menyeru kepada semua agensi agar dapat berkerjasama dengan kementerian saya bagi meningkatkan kualiti alam sekitar negara kita.

Para hadirin sekalian,

Malaysia pada masa sekarang dipandang sebagai sebuah pusat kecemerlangan alam sekitar di rantau ini terutama diantara negara-negara membangun. Baru-baru ini dua peristiwa bersejarah telah kita lalui di negara kita. Pertamanya kita telahpun berjaya mengesa supaya satu perjanjian antarabangsa ditandatangani oleh negara-negara ASEAN mengenai masalah Jerebu. Majlis ini yang telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri telah dihadiri 500 peserta termasuklah menteri-menteri alam sekitar seluruh dunia, NGO's, Agensi-agensi berkaitan,

pakar-pakar dalam bidang alam sekitar dan ramai lagi. Perjanjian ini bertujuan untuk mengesa negara-negara ASEAN untuk berkerjasama dalam menangani masalah jerebu yang melanda negara-negara ASEAN. Perjanjian ini merupakan yang pertama diadakan melibatkan seluruh dunia dimana perwakilan daripada negara-negara lain datang menandatangani perjanjian untuk kebaikan alam sekitar. Adalah tidak adil sekiranya kita mengesa negara lain untuk mengurangkan jerebu dengan tidak melakukan pembakaran terbuka sekiranya kita sendiri pun membakar sampah dan hutan-hutan kita. Disini juga saya mengesa tuan-tuan dan puan-puan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka khususnya pada musim panas dan kering.

Keduanya, Pada 16 september yang lepas kita telahpun berjaya mengesa wakil-wakil industri supaya menandatangani satu surat akujanji perlindungan lapisan ozon. Perjanjian ini telahpun dimenterai sempurna Hari Ozon Antarabangsa yang kita sambut di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Ini sekaligus mengalakkan syarikat terbabit untuk menggunakan teknologi yang lebih mesra alam dalam produk mereka.

Disamping itu juga, pelbagai usaha lain telah kita lakukan untuk memastikan alam sekitar kita dijaga. Namun masih ada yang menunding jari menyalahkan pihak lain dalam pemuliharaan alam sekitar. Kita tidak boleh hanya menunding jari apabila satu-satu pencemaran berlaku tetapi perlulah memastikan pencemaran tersebut dibendung dan langkah-langkah yang sepatutnya diambil. Pihak media, jabatan kerajaan, agensi-agensi swasta dan rakyat sendiri perlulah menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan alam sekitar kita sentiasa bersih dan sihat. Kita tidak boleh hanya menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menjamin kesejahteraan alam sekitar kita tetapi perlulah ada inisiatif daripada kita sendiri sebagai contoh yang paling mudah dapat kita lakukan ialah membuang sampah-sampah didalam tong sampah bukan ditepi jalan, sungai dan sebagainya. Jadilah rakyat yang mesra alam.

Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa pihak penganjur yang diketuai oleh YB.Dato' Zainal bin Dahalan, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan YB. Dato' Ho Cheng Wang Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains Teknologi dan Alam Sekitar Negeri Perak, agensi-agensi kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan dan orang perseorangan yang telah memberi kerjasama bagi menjayakan sambutan ini. Saya juga sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Menteri besar Perak kerana sudi hadir memeriahkan lagi majlis ini.

Sekian, terima kasih.